

CONTOH



BORANG PENYERTAAN
ANUGERAH TRANSFORMASI KOMUNITI u-PUSTAKA 2019
(ATKU 2019)

Terima kasih di atas penyertaan anda dalam ATKU 2019.
Sila isi ruang berikut dengan maklumat yang sah dan lengkap. Jika ruang tidak mencukupi, sila guna kertas tambahan

TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 31 OGOS 2019

BORANG A : Maklumat Perpustakaan/Pusat Maklumat

A1. Nama Penuh Perpustakaan/Pusat Maklumat :

Pusat Komuniti Kampung Haji Su, Pasir Puteh, Kelantan

A2. Nama Organisasi dan Alamat :

No 111 Kampung Haji Su, 16800 Pasir Puteh, Kelantan

A3. Nama Penuh Ketua Projek : Mohamad Bin Jusoff

A4. Jawatan Rasmi : Pembantu Pegawai Pembangunan Mukim

A5. No. Telefon : 012-9876543 **A6. Emel** mohamad123@rocketmail.com

A7. Pengesahan :

Saya mengesahkan bahawa aktiviti/projek yang dilaksanakan adalah daya usaha perpustakaan/pusat maklumat di mana tempat saya berkhidmat.

Mohamad Jusoff

10 Julai 2019

Ketua Projek

Tarikh

**MOHAMAD BIN JUSOFF
PEMBANTU PEGAWAI PEMBAGUNAN MUKIM
KAMPUNG HAJI SU**

Cop Rasmi Organisasi

BORANG B : Maklumat Mengenai Aktiviti/Projek

B1. Nama Penuh Perpustakaan/Pusat Maklumat :

Pusat Komuniti Kampung Haji Su, Pasir Puteh, Kelantan

B2. Tajuk Aktiviti/Projek :

Majlis Perasmian Perpustakaan Komuniti Kampung Haji Su, Kempen Keahlian, Sumbangan Buku dan Kempen Kesedaran Membaca

B3. Bidang Aktiviti/Projek (cth. Kraftangan/Pertanian, Perniagaan dll.) :

(A). Majlis Perasmian Perpustakaan Komuniti Kampung Haji Su

(B). Kempen Keahlian Perpustakaan Komuniti

(C). Sumbangan Buku

(D). Pameran Tokoh-Tokoh Negara

B4. Deskripsi Projek (Tidak Lebih 100 Patah Perkataan) :

Pusat Komuniti Kampung Haji Su telah ditubuhkan pada 1 Januari 2019 oleh Tuan Haji Mohamad bin Jusoff. Penubuhan Pusat Komuniti ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti berfaedah selain dari menggunakan pusat ini sebagai tempat riadah. Kebanyakan warga dewasa, belia dan remaja menjadikan tempat untuk berkumpul dan menimba ilmu.

Majlis perasmian Pusat Komuniti ini telah diadakan pada 10 Januari 2019. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ybhg. Dato Ali bin Abdul Rahman, Pegawai Daerah Pasir Puteh. Seramai 100 tetamu telah menghadiri majlis perasmian ini.

Sebagai pengisian aktiviti majlis perasmian Pusat Komuniti ini, Kempen Keahlian, Sumbangan Buku serta Pameran Tokoh-Tokoh Negara menjadi tatapan kepada tetamu yang hadir.

B5. Nama Kumpulan Komuniti Yang Bekerjasama (contoh PIBG, kesatuan pekerja, alumni, dll.):

PIBG Sekolah Kebangsaan Panggong Dan Penduduk Kampung Haji Su

B6. Jelaskan Bagaimana Projek Memberi Faedah Kepada Organisasi/Komuniti :

- (A) Program ini dapat memberi kesedaran kepada penduduk di Kampung Haji Su tentang pentingnya budaya membaca
- (B) Dapat memupuk minat membaca di kalangan anak-anak di kampung ini dan dapat menjadikan pusat komuniti sebagai tempat riadah dan membuat kerja-kerja latihan sekolah
- (C) Dapat mengembangkan lagi Perpustakaan Komuniti Kampung Haji Su, Pasir Puteh, Kelantan
- (D) Dapat menambahkan koleksi buku di Perpustakaan Komuniti Kampung Haji Su Dengan Program Derma Buku

B7. Situasi Organisasi Sebelum dan Selepas Projek Dilaksanakan :

SITUASI SEBELUM

- (1) Tiada pusat komuniti/ perpustakaan di Kampung Haji Su
- (2) Tiada tempat rujukan buku-buku untuk remaja dan belia

SITUASI SELEPAS

- (1) Wujudnya satu Pusat Komuniti di Kampung Haji Su
- (2) Menjadi pusat riadah dan aktiviti untuk komuniti setempat
- (3) Perpustakaan Mini/ Pusat Komuniti dan tempat riadah

SEKILAS PANDANG SEKITAR MAJLIS PERASMIAN

(A). MAJLIS PERASMIAN PUSAT KOMUNITI KAMPUNG HAJI SU



(B). KEMPEN KEAHLIAN



(C). SUMBANGAN BUKU



(D). PAMERAN TOKOH-TOKOH NEGARA

